



Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ihsan (berbuat baik) pada setiap perkara

Daripada Syaddād bin Aus رضي الله عنه, beliau berkata: "Dua perkara yang aku ingat daripada Rasulullah ﷺ, baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ihsan (berbuat baik) pada setiap perkara, maka apabila kamu membunuh, bunuhlah dengan cara yang baik. Apabila kamu menyembelih, sembelihlah dengan cara yang baik. Hendaklah salah seorang daripada kamu menajamkan pisaunya dan hendaklah dia memberi keselesaan kepada haiwan sembelihannya."

Nabi ﷺ memberitahu bahawa Allah ﷺ mewajibkan kita berbuat ihsan (kebaikan) dalam setiap perkara. Ihsan ialah sentiasa merasa diawasi oleh Allah dalam beribadah kepada-Nya, dalam melakukan kebaikan dan dalam menahan diri daripada menyakiti makhluk. Termasuk dalam hal ini ialah berbuat ihsan ketika membunuh (dalam pelaksanaan hukuman) dan ketika menyembelih. Ihsan ketika membunuh dalam pelaksanaan qisas ialah dengan memilih cara yang paling mudah, paling ringan dan paling cepat untuk mengakhiri nyawa orang yang dihukum. Ihsan ketika menyembelih dalam penyembelihan haiwan ialah dengan berlaku baik terhadap haiwan tersebut, iaitu dengan menajamkan alat sembelihan, tidak menajamkannya di hadapan haiwan sembelihan yang melihat dan tidak menyembelih seekor haiwan di hadapan haiwan-haiwan lain yang sedang melihatnya.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/4319>

